



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


**TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU  
SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)  
PROGRAM ASASI UTM**






## TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (SECARA DALAM TALIAN)


Bagi memastikan pendaftaran pelajar baru dapat terus berjalan dengan lancar dan teratur, tatacara pendaftaran pelajar baharu secara dalam talian dibekalkan kepada calon pelajar.




Calon menerima Surat Tawaran dan Set Tawaran Kemasukan dari UTM melalui Sistem Ambilan Mahasiswa (SAM)




Calon mengesahkan penerimaan tawaran dalam tempoh 14 hari dengan membuat Bayaran Muka Kehadiran (BMK) RM 300 dan disahkan oleh Bahagian Kewangan UTMSPACE




Baki Yuran Pelajar Baharu seperti Lampiran A (Surat Tawaran) hendaklah dijelaskan sebelum 18 Disember 2022 dan disahkan oleh Bahagian Kewangan UTMSPACE




Calon pelajar yang disahkan telah menjelaskan Yuran Pelajar Baharu akan ditukarkan status daftar 'Registered' pada hari pendaftaran secara automatik



Pelajar baharu akan dimaklumkan melalui emel dan sms berkaitan status daftar 'Registered'.



Sila rujuk kepada pautan yang diberikan di dalam sms dan emel untuk tindakan selanjutnya (berkaitan Minggu Mesra Mahasiswa dan Akademik).



Segala borang dan dokumen dalam Set Tawaran Kemasukan serta Lampiran B (Surat Tawaran) yang telah dilengkapkan WAJIB :-

1. MUAT NAIK ke SAM selewatnya 5 JANUARI 2023
2. Dokumen ASAL DIPOSKAN kepada Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar, Johor Bahru selewatnya 5 JANUARI 2023. Alamat seperti berikut :-

Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar,  
Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan,  
Aras 4, Blok T05, Universiti Teknologi Malaysia  
81310, Johor Bahru, Johor.

## PANDUAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

### SEBELUM HARI PENDAFTARAN

1. Bayar Bayaran Muka Kehadiran (BMK) RM 300 selepas menerima Surat Tawaran.
2. Jelaskan baki Yuran Pelajar Baharu (rujuk Lampiran A pada Surat Tawaran) **SELEWATNYA 18 DISEMBER 2022**.
3. Hantarkan slip/bukti pembayaran kepada Bahagian Kewangan UTMSPACE di emel [bkwjb@utmSPACE.edu.my](mailto:bkwjb@utmSPACE.edu.my).  
(Catatkan Nama Pemohon, No.Kad Pengenalan dan Nama Program pada slip/bukti pembayaran)

### SEMASA HARI PENDAFTARAN (SELASA, 20 DISEMBER 2022)

1. Menerima SMS dan emel menyatakan pendaftaran telah Berjaya (bagi calon pelajar yang telah membuat bayaran penuh sahaja. Bayaran telah disahkan oleh Bahagian Kewangan UTMSPACE).
  2. Sila ke pautan yang diberikan di dalam SMS dan emel untuk tindakan selanjutnya.
- \* Tiada tindakan yang perlu dibuat oleh calon pelajar untuk mendaftar. Hanya menerima SMS dan emel sahaja pada Hari Pendaftaran.**

### SELEPAS HARI PENDAFTARAN

1. Mengikuti Minggu Mesra Mahasiswa (Orientasi) seperti yang dijadualkan. Mohon rujuk jadual pada pautan dalam SMS dan emel selepas mendaftar.
2. Lengkapkan Lampiran B (pada Surat Tawaran), Set Tawaran Kemasukan dan dokumen lain yang diperlukan (rujuk Panduan Muat Naik Borang dan Dokumen Keperluan).
3. Segala borang dan dokumen yang telah diisi dan dilengkapkan perlulah :-
  - a) **MUAT NAIK** ke Sistem Ambilan Mahasiswa (<https://intake.utmSPACE.edu.my/login>) **SELEWATNYA 5 JANUARI 2023**.
  - b) **Borang dan dokumen ASAL** perlu **DIPOSKAN** kepada Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar, Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan, Aras 4, Blok T05, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor Bahru, Johor **SELEWATNYA 5 JANUARI 2023**.